



---

## PERMOHONAN PENGECCUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

---

Muhammad Zaharul Anuar Bin Zakariah <zaharul@ptgwp.gov.my>  
To: Scott Khor Tzher K'ng <scott@malaysianbar.org.my>  
Cc: PPTG WP LABUAN <pejabatnahlakuan@ptgwp.gov.my>

Mon, Jul 19, 2021 at 3:20 PM

Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan emel di bawah adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, semua cadangan pihak tuan telah dilaksanakan mengikut peranan dan fungsi di bawah kawalan Pejabat ini. Permohonan yang dibuat di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955 adalah di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan tuan/puan perlu berhubung terus dengan pihak JKPTG berkaitan perkara ini.

3. Sebagai makluman tambahan, kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan sistem e-Tanah ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Pejabat ini sedang dalam fasa pengujian dan penyesuaian sistem tersebut bersama vendor untuk diguna pakai di Labuan. Mengikut perancangan sistem tersebut akan boleh mula digunakan menjelang penghujung tahun bergantung kepada perkembangan semasa.

4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan Pejabat ini amat mengalu-alukan cadangan dan saranan yang dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*Zaharul Anuar Zakariah*

**(Muhammad Zaharul Anuar bin Zakariah)**

Penolong Pengarah (Pendaftaran)

Sektor Pendaftaran

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan

E003 Tingkat 1 Podium Level

Kompleks Ujana Kewangan

Peti Surat 80693

**87016 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Tel: 087-415 132/312 | Fax: 087-416 114

✉: [zaharul@ptgwp.gov.my](mailto:zaharul@ptgwp.gov.my) 🌐: [www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my)

---

From: Scott Khor Tzher K'ng ([scott@malaysianbar.org.my](mailto:scott@malaysianbar.org.my))

Date: 16/07/2021 07:44 pm

To: [pejabatnanahlabuan@ptgwp.gov.my](mailto:pejabatnanahlabuan@ptgwp.gov.my)

Cc: [pertanyaan@jkptg.gov.my](mailto:pertanyaan@jkptg.gov.my)

Subject: **PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

[Quoted text hidden]